

NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 7

29hb Mac 2001

TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN

Sel. P.U. 8.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN


Kaedah-
Kaedah

1. Nama dan permulan kuat kuasa
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

3. Senarai pokok.
4. Perintah pemeliharaan pokok.
5. Perintah pemeliharaan pokok boleh dibuat jika pokok tidak tertakluk kepada syarat-syaratnya.
6. Kebenaran bertulis di bawah perintah pemeliharaan pokok.



Kaedah-
Kaedah

7. Perakuan orang berkeelayakan.
8. Pampasan.
9. Penggantian pokok.
10. Pembatalan perintah pemeliharaan pokok.

BAHAGIAN III

LARANGAN MEMOTONG DAN SEBAGAINYA POKOK YANG LILITANNYA MELEBIHI 0.8 METER

11. Larangan memotong dan sebagainya pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter.

12. Ilustrasi.

JADUAL I

JADUAL II

JADUAL III

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 58 Akta *Akta 172.* Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pihak Berkuasa Negeri Selangor membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok 2001** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 April 2001. Nama dan permulaan kuat kuasa.

2. Di dalam Kaedah-kaedah ini melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain— Tafsiran.

“kelompok pokok” ertinya satu kumpulan pokok dari pelbagai spesies yang tumbuh di satu kawasan yang sama secara berdekatan dan boleh ditandakan di dalam satu lingkungan;

“merosakkan pokok dan memusnahkan pokok” termasuk aktiviti mengguris, mengopek, memaku, mengecat, meracun, membakar, menebuk, menampal, menakek, menakuk, mengikat dengan dawai dan menoreh sepanjang lilitan pokok atau perbuatan seumpama yang boleh mencederakan pokok;

“pokok” berkaitan dengan tanaman dan tumbuhan individu kekal dan tunggal di dalam keadaan biasa tahan bertahun-tahun di atas tanah yang dikenalpasti daripada saiz, umur, jenis atau spesies tertentu yang tumbuh di mana-mana lokasi;

“pokok-pokok” adalah satu kumpulan dua atau lebih pokok dari satu spesies yang sama tumbuh dalam bentuk berbaris atau berdekatan antara satu sama lain;

“pokok yang telah mati atau hampir mati” merupakan pokok yang dapat dibuktikan seperti yang dikehendaki di dalam Kaedah 7.

BAHAGIAN II

PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

3. (1) Bagi maksud perintah pemeliharaan pokok pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyediakan senarai pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok bagi kawasannya mengikut Jadual I. Senarai pokok.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh meminda Jadual I tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri dan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

Perintah
pemeliharaan
pokok.

(3) Senarai pokok hendaklah sentiasa sedia didapati untuk diperiksa di pejabat pihak berkuasa perancang tempatan dalam waktu pejabat.

4. (1) Sesuatu perintah pemeliharaan pokok yang dibuat di bawah seksyen 35A(1) Akta hendaklah mengikut Borang A di Jadual II dan mengandungi—

- (a) peta atau pelan berskala yang menunjukkan kedudukan pokok; pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada perintah itu;
- (b) keterangan mengenai spesis dan saiz pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu; dan
- (c) pengisytiharan bahawa kebenaran penebangan pokok yang tertakluk kepada perintah itu hanya boleh diperolehi dari pihak berkuasa perancang tempatan dan tertakluk kepada syarat-syarat.

(2) Sesuatu perintah pemeliharaan pokok bolehlah mengandungi atau disertakan dengan gambarajah, gambaran-gambaran termasuk gambarfoto, dan bahan-bahan material yang difikirkan sesuai untuk maksud menjelas dan menerangkan peruntukan-peruntukan dalam perintah itu, dan ia hendaklah disifatkan sebagai menjadi sebahagian daripada perintah itu.

(3) Sesuatu perintah pemeliharaan pokok hendaklah disimpan di pejabat pihak berkuasa perancang tempatan bersama dengan tanda yang dengannya perintah itu boleh dikenali dan salinan perintah itu—

- (a) hendaklah sedia didapati untuk diperiksa di pejabat pihak berkuasa perancang tempatan itu dalam waktu pejabat; dan
- (b) jika berkenaan, disampaikan kepada pemunya dan penduduk tanah di mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu tumbuh.

(4) Suatu pemberitahuan mengikut Borang B Jadual II yang menyatakan tentang perintah pemeliharaan pokok itu hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai di atas tapak di mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu tumbuh.

(5) Jika sesuatu perintah pemeliharaan pokok yang hendak dibuat melibatkan tanah milik kerajaan, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah terlebih dahulu berunding dengan kerajaan itu dan setelah mendapat persetujuan bertulis darinya bolehlah mengeluarkan perintah itu mengikut perenggan (1) di atas.

(6) Sesuatu perintah yang dikeluarkan di bawah perenggan (5) di atas hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti perintah yang dikeluarkan di bawah seksyen 35A(1) Akta.

5. Sesuatu perintah pemeliharaan pokok boleh dibuat di bawah seksyen 35A Akta berkenaan dengan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tidak tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan (f) dan (g) seksyen 22(5) Akta.

Perintah pemeliharaan pokok boleh dibuat jika pokok tidak tertakluk kepada syarat-syaratnya.

6. (1) Sesuatu permohonan bagi kebenaran bertulis dari pihak berkuasa perancang tempatan di bawah seksyen 35A(2)(a) Akta hendaklah dibuat mengikut Borang C Jadual II.

Kebeneran bertulis di bawah perintah pemeliharaan pokok.

(2) Sesuatu kebenaran bertulis dari pihak berkuasa perancang tempatan di bawah seksyen 35A(2)(a) Akta hendaklah dibuat mengikut Borang D Jadual II.

(3) Sesuatu kebenaran bertulis dari pihak berkuasa perancang tempatan di bawah seksyen 35A(2)(a) Akta bolehlah mengenakan syarat-syarat bagi memastikan pokok-pokok ditanam atau diganti melalui penanaman semula dalam satu tempoh atau lanjutan tempoh yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(4) Syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan (3) di atas berkenaan dengan pokok-pokok yang ditanam atau diganti melalui penanaman semula hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti perintah asal.

(5) Sesuatu notis pematuhan syarat-syarat kebenaran bertulis di bawah seksyen 35A(2)(a) Akta hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa perancang tempatan mengikut Borang E Jadual II.

(6) Sesuatu pengesahan pematuhan syarat-syarat kebenaran bertulis oleh pihak berkuasa perancang tempatan berkenaan perenggan (4) di atas hendaklah dikeluarkan mengikut Borang F Jadual II.

7. (1) Bagi mengelakkan keraguan dalam menentukan apakah yang dikatakan sebagai—

Perakuan orang berkelayakan.

(a) pokok yang telah mati atau hampir mati di bawah seksyen 35A(3)(a) atau 35H(1)(a) Akta;

(b) mencegah bahaya yang hampir benar berlaku di bawah seksyen 35A(3)(b) atau 35H(1)(b) Akta,

maka suatu perakuan hendaklah dibuat oleh orang berkelayakan.

(2) Orang berkelayakan bermaksud mana-mana orang atau pihak berkuasa yang layak atau berhak berbuat sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

8. (1) Sesuatu tuntutan di bawah seksyen 35D(1) dan (2) Akta hendaklah dibuat mengikut Borang G Jadual II.

Pampasan.

(2) Sesuatu award amaun pampasan di bawah perenggan (1) di atas dari pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengikut Borang H Jadual II.

Penggantian
pokok.

9. (1) Sesuatu arahan yang dibuat oleh pihak berkuasa perancang tempatan di bawah seksyen 35E(1) Akta kepada orang yang didapati bersalah hendaklah mengikut Borang I Jadual II.

(2) Sesuatu permohonan mengeneipkan keperluan menggantikan pokok di bawah perenggan (1) di atas samada atas permohonan orang itu atau mana-mana orang lain hendaklah dibuat mengikut Borang J Jadual II.

(3) Sesuatu keputusan pihak berkuasa perancang tempatan yang mengeneipkan keperluan menggantikan pokok di bawah perenggan (1) di atas samada atas permohonan orang itu atau mana-mana orang lain hendaklah dibuat mengikut Borang K Jadual II.

(4) Sesuatu permohonan untuk lanjutan tempoh di bawah seksyen 35E(2) Akta hendaklah mengikut Borang L Jadual II.

(5) Sesuatu keputusan pihak berkuasa perancang tempatan terhadap permohonan lanjutan tempoh permohonan di perenggan (4) di atas hendaklah mengikut Borang M Jadual II.

(6) Sesuatu notis memberitahu orang yang berkewajipan untuk menggantikan pokok di bawah seksyen 35E Akta yang tidak berbuat sedemikian bahawa pihak berkuasa perancang tempatan akan melakukan kerja untuk menggantikan pokok itu hendaklah mengikut Borang N Jadual II.

(7) Sesuatu notis bayar ganti di bawah seksyen 35F Akta hendaklah mengikut Borang O Jadual II.

Pembatalan
perintah
pemeliharaan
pokok.

10. (1) Sesuatu notis untuk meminda atau membatalkan suatu perintah pemeliharaan pokok di bawah seksyen 35G Akta hendaklah mengikut Borang P Jadual II.

(2) Jika sesuatu pindaan atau pembatalan perintah pemeliharaan pokok adalah berkenaan dengan senarai pokok seperti di Jadual I kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

(3) Sesuatu pindaan atau pembatalan yang dibuat di bawah perenggan (1) di atas hendaklah disimpan, sedia didapati, disampaikan dan diletakkan menurut Kaedah 4(2), (3) dan (4).

(4) Jika sesuatu pindaan perintah pemeliharaan pokok yang hendak dibuat melibatkan tanah milik kerajaan, Kaedah 4(5) dan (6) hendaklah dipakai.

BAHAGIAN III

LARANGAN MEMOTONG DAN SEBAGAINYA POKOK
YANG LILITANNYA MELEBIHI 0.8 METER

11. (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran bertulis bagi menebang pokok yang lilitannya melebihi 0.8m meter di bawah seksyen 35H(1) Akta hendaklah mengikut Borang Q Jadual II.

Larangan memotong dan sebagainya pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter.

(2) Sesuatu keputusan terhadap permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1) di atas hendaklah mengikut Borang R Jadual II.

12. Bagi mengelakkan keraguan dalam menentukan lilitan suatu pokok yang diukur dari bumi di bawah seksyen 25H(2) Akta maka ilustrasi di Jadual III hendaklah dipakai atau jika tiada dalam Jadual itu, peruntukan-peruntukan garis panduan mengenai perintah pemeliharaan pokok yang dipakai dalam Negeri itu hendaklah dipakai.

Ilustrasi.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL I

Kaedah 3(1)

SENARAI POKOK

Bagi maksud Perintah Pemeliharaan Pokok 2001, (nama pihak berkuasa perancang tempatan)..... dengan ini membuat senarai pokok bagi kawasannya berkuatkuasa (tarikh mula berkuatkuasa).....

Bil.	Spesis	Keistimewaan	Catatan
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

Bertarikh:

- (c) mengikut seksyen 35D(1) Akta, pemunya tanah yang tanahnya dimaksudkan oleh suatu perintah pemeliharaan pokok dapat membuktikan bahawa dia mengalami kerugian berupa kesusutan dalam nilai tanahnya akibat mematuhi perintah ini; dia boleh menuntut pampasan daripada pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah ini.

Dengan perintah,

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

Bertarikh:.....

Jadual

[Beri keterangan mengenai spesis, saiz dan keadaan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada perintah itu]

Peta/Pelan

[Peta/pelan berskala hendaklah menunjukkan kedudukan/lokasi pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada perintah itu]

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang B

Kaedah 4(4)

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Seksyen 35A

PEMBERITAHUAN

*Pokok/pokok-pokok/kelompok pokok ini adalah tertakluk kepada suatu perintah pemeliharaan pokok.

Sesiapa yang memotong, memangkas, mencantas, mencabut, merosakkan atau memusnahkan *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000.00.

Dengan perintah,

(Pihak berkuasa perancang tempatan),

Bertarikh:

.....

Rujukan Daftar:

.....

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II
Borang C
Kaedah 6(1)

Kepada
(nama & alamat pihak berkuasa
perancang tempatan)

.....

.....

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. Daftar
Tarikh Daftar
Catatan

Tuan,

PER: PERMOHONAN KEBENARAN BERTULIS PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN UNTUK MENEBAH POKOK YANG DI BAWAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK DI BAWAH SEKSYEN 35A(2)(a) AKTA

Suatu perintah pemeliharaan pokok telah dibuat ke atas pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok seperti di dalam daftar rujuk..... (nyatakan rujukan daftar perintah).

2. *Saya/kami memohon kebenaran (nama pihak berkuasa perancang tempatan) untuk menebah pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang dinyatakan seperti berikut—

..... (beri keterangan mengenai lokasi, spesis dan jenis pokok serta kerja penebah yang hendak dilakukan)

3. Alasan *saya/kami untuk menebah pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok ini adalah seperti berikut—

.....

.....

.....

Tandatangan	:	}	pemohon
Nama	:		
No. Kad Pengenalan	:		
Alamat	:		

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II
Borang D
Kaedah 6(2)

Kepada Rujukan :
(nama & alamat pemohon) Tarikh :
.....
.....
.....

Tuan,

PER: PERMOHONAN KEBENARAN BERTULIS PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN UNTUK MENEBAK POKOK YANG DI BAWAH PERINTAN PEMELIHARAAN POKOK DI BAWAH SEKSYEN 35A(2)(a) AKTA

..... (nama pihak berkuasa perancang tempatan) telah menerima permohonan tuan (nyatakan rujukan dan tarikh) untuk kebenaran bertulis menebak pokok yang di bawah perintah pemeliharaan pokok seperti yang dikeluarkan melalui perintah dari pihak berkuasa perancang tempatan (nyatakan rujukan dan tarikh)

2. Setelah dipertimbangkan pihak berkuasa perancang tempatan ini membuat keputusan—

*(a) menolak pemberian kebenaran penebangan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok sepertimana yang dipohon.

*(b) (i) membenarkan penebangan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang berkenaan dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut—

..... (beri keterangan mengenai lokasi pokok serta aktiviti penebangan yang dibenarkan serta syarat-syarat yang berkaitan).

..... (jika melibatkan aktiviti penanaman atau diganti melalui penanaman semula, nyatakan jenis kerja yang dikehendaki dilakukan itu).

..... (nyatakan tempoh yang diberi bagi memenuhi kerja-kerja di atas).

(ii) tuan dikehendaki memenuhi mengisi Borang E: Notis Pematuhan Syarat-syarat Kebenaran Bertulis di bawah seksyen 35A(2)(a) yang dilampirkan bersama ini dan mengemukakan kepada pihak berkuasa perancang tempatan selepas syarat-syarat di atas dipenuhi.

3. Mengikut seksyen 35c Akta, jika tuan terkilan dengan—

*(a) penolakan pemberian kebenaran ini

*(b) mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pemberian kebenaran bertulis ini

tuan boleh merayu kepada Lembaga Rayuan dalam masa satu bulan dari tarikh surat berhubung dengan keputusan ini dibuat.

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang E

Kaedah 6(5)

Kepada
 (nama & alamat pihak berkuasa
 perancang tempatan)

Tarikh:

UNTUK
 KEGUNAAN
 PEJABAT

No. Daftar

Tarikh Daftar

Catatan

Tuan,

PER: NOTIS PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KEBENARAN BERTULIS
 DI BAWAH SEKSYEN 35A(2)(a) AKTA

Suatu kebenaran bertulis untuk menebang pokok, pokok-pokok atau kelompok
 pokok yang tertakluk kepada perintah pemeliharaan pokok telah dibuat
 oleh.....(nama pihak berkuasa perancang tempatan)
melalui.....(nyatakan rujukan kebenaran bertulis itu).

2. *Saya/kami telah memenuhi syarat-syarat kebenaran bertulis ini seperti berikut
- (a) (beri keterangan mengenai syarat-syarat yang telah dipenuhi)
 - (b)
 - (c)

3. *Saya/kami memohon pengesahan pihak berkuasa perancang tempatan kepada
 pematuhan syarat-syarat di atas.

Tandatangan :
 Nama :
 No. Kad Pengenalan :
 Alamat :

} pemohon

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang F

Kaedah 6(6)

Kepada

.....(nama & alamat pemohon)

.....
.....
.....

Rujukan :

Tarikh :

Tuan,

PER: PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KEBENARAN BERTULIS DI BAWAH SEKSYEN 35A(2)(a) AKTA

Merujuk notis tuan bertarikh....., setelah dipertimbangkan,(nama pihak berkuasa perancang tempatan)..... dengan ini—

*(a) mengesahkan bahawa tuan telah mematuhi semua syarat-syarat kebenaran bertulis itu;

*(b) mendapati tuan tidak memenuhi syarat-syarat kebenaran bertulis yang berikut—

.....
..... (nyatakan syarat-syarat yang tidak dipenuhi itu)
.....
.....
.....

Tuan dengan ini dikehendaki menjalankan kerja-kerja sehingga syarat-syarat tersebut di atas dipenuhi dalam masa.....(nyatakan tempoh masa)..... dari tarikh mengenai keputusan ini dibuat.

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang G

Kaedah 8(1)

Kepada
 (nama & alamat pihak berkuasa
 perancang tempatan)

.....

.....

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. Daftar
Tarikh Daftar
Catatan

Tuan,

PER: TUNTUTAN PAMPASAN DI BAWAH SEKSYEN 35D(1) AKTA

Suatu perintah pemeliharaan pokok telah dibuat oleh(nama pihak berkuasa perancang tempatan)..... melalui.....(nyatakan rujukan perintah).

2. *Saya/kami juga telah mematuhi perenggan (a) hingga (d) seksyen 35c Akta. Akibat pematuhan ini *saya/kami telah mengalami kerugian berupa kesusutan dalam nilai tanah dan dengan ini menuntut pampasan daripada pihak berkuasa perancang tempatan ini.

3. Alasan tuntutan *saya/kami adalah seperti berikut—
(nyatakan asas-asas kerugian yang dialami yang berupa kesusutan dalam nilai tanah)

4. Amaun pampasan yang *saya/kami menuntut adalah sebanyak RM..... (nyatakan amaun dalam Ringgit Malaysia)
berdasarkan kepada asas-asas berikut—
(nyatakan bagaimana amaun tuntutan pampasan dicapai)

5. *Bersama ini *saya/kami sertakan(nyatakan laporan dan butiran yang disertakan).....bagi menyokong tuntutan *saya/kami.

Tandatangan : —
 Nama :
 No. Kad Pengenalan :
 Alamat :

} pemohon

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II.

Borang H

Kaedah 8(2)

Kepada Rujukan :

.....(nama & alamat pemohon) Tarikh :

.....

.....

.....

Tuan,

PER: AWARD AMAUN PAMPASAN DI BAWAH SEKSYEN 35D(1) AKTA

.....(nama pihak berkuasa perancang tempatan) telah menerima tuntutan pampasan tuan di bawah seksyen 35D Akta.

2. Setelah dipertimbangkan pihak berkuasa perancang tempatan ini membuat keputusan—

*(a) tidak menawarkan award pampasan kerana didapati tiada kerugian berupa kesusutan dalam nilai tanah yang tuan alami.

*(b) menawarkan award pampasan sejumlah(nyata amaun dalam Ringgit Malaysia).....

*3. Seksyen 35p(3) Akta memperuntukkan jika tuan tidak berpuashati dengan amaun pampasan ini tuan bolehlah dalam tempoh satu bulan dari tarikh award ini merayu kepada Lembaga Rayuan.

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang I

Kaedah 9(1)

Kepada Rujukan :

.....(nama & alamat) Tarikh :

.....

.....

.....

Tuan,

PER: PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 35B(1) AKTA

Dimaklumkan tuan telah didapati bersalah di bawah seksyen 35A(4) Akta kerana menebang pokok yang berkenaan dengannya suatu perintah pemeliharaan pokok berkuatkuasa.

*2. Dengan ini diberitahu tuan tidak dikehendaki menggantikan pokok itu.

*3. (a) Dengan ini menurut seksyen 25E(91) Akta, tuan adalah berkewajipan untuk menggantikan pokok itu dengan menanam suatu pokok lain seperti berikut—

- (i)(nyatakan saiz dan spesis yang dikehendaki ditanam).....
- (ii)(nyatakan tempat yang dikehendaki ditanam).....
- (iii)(nyatakan tempoh masa yang diberi untuk melakukan penanaman itu).....
- (iv) (nyatakan terma atau syarat-syarat lain yang hendak dikenakan)

(b) Tuan dikehendaki memberitahu pihak berkuasa perancang tempatan ini sebaik sahaja arahan di perenggan (a) di atas dipenuhi.

(c) Tuan boleh memohon kepada pihak berkuasa perancang tempatan ini supaya mengeneipikan keperluan di perenggan (a) di atas melalui Borang J.

(d) Tuan boleh memohon dilanjutkan tempoh masa seperti yang dinyatakan di perenggan (a)(iii) di atas melalui Borang L.

(e) Mengikut seksyen 35B(3) Akta tuan boleh merayu kepada Lembaga Rayuan jika terkilan dengan keperluan menggantikan pokok ini atau mana-mana perintah yang diberi di bawah perenggan (a)(i) atau (ii) di atas, atau mana-mana terma atau syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan (iv) di atas dalam masa satu bulan dari tarikh tuan diberitahu tentang perintah ini.

AMBIL PERHATIAN, bahawa mengikut seksyen 35F Akta, jika tuan gagal untuk menggantikan pokok menurut seksyen 35E(1), pihak berkuasa perancang tempatan boleh meneruskan untuk menggantikan pokok itu dan, melalui denda di bawah seksyen 35E(5) telah dijelaskan, kesemua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak berkuasa perancang tempatan untuk menggantikan pokok itu hendaklah dibayar ganti oleh tuan selaku orang yang berkewajipan untuk menggantikannya.

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang J

Kaedah 9(2)

Kepada
*(nama & alamat pihak berkuasa
 perancang tempatan)*

.....

.....

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. Daftar
Tarikh Daftar
Catatan

Tuan,

PER: PERMOHONAN MENGENEPIKAN KEPERLUAN MENGGANTIKAN POKOK DI BAWAH SEKSYEN 35E(1) AKTA

*Saya/kami telah menerima arahan dari (*pihak berkuasa perancang tempatan*)
 melalui (*nyatakan rujukan/tarikh perintah*)
supaya menggantikan pokok dengan pokok lain seperti berikut—
 (*nyatakan kerja yang dikehendaki dibuat itu*)

.....

.....

2. *Saya/kami memohon perintah ini diketepikan dan alasan *saya/kami adalah seperti berikut—

- (a)(*nyatakan alasan*)
- (b)
- (c)

Tandatangan :
 Nama :
 No. Kad Pengenalan :
 Alamat :

} pemohon

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang K

Kaedah 9(3)

Kepada Rujukan :

.....(nama & alamat) Tarikh :

.....

.....

.....

Tuan,

PER: KEPERLUAN MENGGANTIKAN POKOK DI BAWAH SEKSYEN
35E(1) AKTA

..... (nama pihak berkuasa perancang tempatan).....pada
..... (tarikh) telah menerima permohonan tuan supaya
mengenepikan keperluan menggantikan pokok di bawah seksyen 35E(1) Akta.

2. Setelah dipertimbangkan, pihak berkuasa perancang tempatan ini membuat keputusan—

*(a) meluluskan permohonan ini dan tuan tidak perlu menggantikan pokok
sepertimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan ini
.....(rujuk perintah).....

*(b) menolak permohonan ini dan tuan dikehendaki melakukan kerja menggantikan
pokok sepertimana arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa perancangan
tempatan ini (rujukan arahan) Jika tuan
terkilan dengan penolakan ini tuan boleh merayu kepada Lembaga Rayuan
dalam masa satu bulan dari tarikh pemberitahuan ini.

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

*Porong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang L

Kaedah 9(4)

Kepada
*(nama & alamat pihak berkuasa
 perancang tempatan)*

.....

.....

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

No. Daftar

Tarikh Daftar

Catatan

Tuan,

PER: PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH DI BAWAH SEKSYEN
 35E(2) AKTA

*Saya/kami telah menerima perintah menggantikan pokok dari.....
(pihak berkuasa perancang tempatan) melalui.....*(nyatakan
 rujukan arahan pihak berkuasa perancang tempatan ini).*

2. *Saya/kami memohon dilanjutkan tempoh masa seperti yang dinyatakan di
 perenggan 3(a)(iii) arahan itu kepada.....*(nyatakan tarikh lanjutan
 yang diperlukan).* Alasan *saya/kami adalah seperti berikut—

(a)*(nyatakan alasan)*.....

(b)

(c)

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

} pemohon

* Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang M

Kaedah 9(5)

Kepada

.....(nama & alamat)
.....
.....
.....

Rujukan :

Tarikh :

Tuan,

PER: PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH DI BAWAH SEKSYEN 35B(2)
AKTA

.....(nama pihak berkuasa perancang tempatan) telah menerima permohonan tuan (nyatakan rujukan dan tarikh) supaya dilanjutkan tempoh masa menggantikan pokok seperti yang diarahkan melalui surat dari pihak berkuasa perancang tempatan ini (nyatakan rujukan dan tarikh).....

2. Setelah dipertimbangkan, pihak berkuasa perancang tempatan dengan ini membuat keputusan—

*(a) membenarkan perlanjutan tempoh selama (nyatakan tempoh tersebut) bermula (nyatakan tarikh kuatkuasa) dan tamat pada (nyatakan tarikh tamat tempoh)

*(b) menolak permohonan ini dan tuan dikehendaki melakukan kerja-kerja menggantikan pokok sepertimana arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan ini (rujukan arahan) dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam arahan itu. Jika tuan terkilang dengan penolakan ini tuan boleh merayu kepada Lembaga Rayuan dalam masa satu bulan dari tarikh pemberitahuan ini.

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang N

Kaedah 9(6)

Kepada Rujukan :

.....(nama & alamat) Tarikh :

.....

.....

.....

Tuan,

PER: NOTIS MEMBERITAHU PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN
AKAN MELAKUKAN KERJA MENGGANTIKAN POKOK DI BAWAH
SEKSYEN 35E(1) AKTA

Dimaklumkan (nama pihak berkuasa perancang tempatan)
..... telah mengeluarkan perintah (nyatakan
rujukan dan tarikh perintah) menghendaki tuan menggantikan pokok
dengan menanam suatu *pokok/pokok-pokok lain.

2. Walau bagaimanapun setelah tamat *tempoh/lanjutan tempoh masa seperti yang
dinyatakan dalam perintah itu tuan didapati telah gagal melaksanakan perintah itu.
*Tempoh/lanjutan tempoh masa yang diberi ialah selama (nyatakan tempoh
itu) dan tamat pada (nyatakan tarikh)
lalu.

3. Dengan ini menurut seksyen 35E Akta diberitahu bahawa pihak berkuasa perancang
tempatan ini akan melakukan kerja menggantikan *pokok/pokok-pokok bermula
..... (nyatakan tarikh)

4. Juga diberitahu selepas kerja menggantikan pokok ini selesai dilakukan tuan
akan dikemukakan notis bayarganti bagi kerja menggantikan pokok ini.

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang O

Kaedah 9(7)

Kepada Rujukan :

.....(nama & alamat) Tarikh :

.....

.....

.....

Tuan,

PER: NOTIS BAYARGANTI KERJA MENGGANTIKAN POKOK DI BAWAH
SEKSYEN 35F(1) AKTA

Dengan ini diberitahu bahawa pada (nyatakan tarikh)
(nyatakan nama pihak berkuasa perancang tempatan) telah
melakukan kerja-kerja menggantikan pokok sepertimana yang dikeluarkan mengikut
notis dari pihak berkuasa perancang tempatan ini (nyatakan rujukan
notis).....

2. Menurut seksyen 35F Akta pihak berkuasa perancang tempatan dengan ini
menuntut dari tuan sejumlah (nyatakan jumlah dalam
Ringgit Malaysia) yang merupakan bayarganti kerja menggantikan
pokok yang telah dilakukan pihak berkuasa perancang tempatan ini.

3. Sila jelaskan tuntutan ini dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis ini dalam
bentuk bank draf atas nama (nyatakan nama pihak
berkuasa perancang tempatan)

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang P

Kaedah 10(1)

(nama pihak berkuasa perancang tempatan)

NOTIS *MEMBATALKAN/MEMINDA PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

Rujukan Daftar:

Dengan ini diberitahu *(nyatakan nama pihak berkuasa perancang tempatan)* telah *membatal/meminda perintah pemeliharaan pokok yang dikeluarkan ke atas pokok *(nyatakan rujukan perintah ini)*

*Pembatalan/pindaan ini berkuatkuasa *(nyatakan tarikh kuatkuasa)*

*2. Pindaan perintah ini adalah seperti berikut—

.....
 *(nyatakan pindaan)*

Dengan perintah,

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan),

Bertarikh :

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang Q

Kaedah 11(1)

Kepada Tarikh:

....(nama & alamat pihak berkuasa....

....perancang tempatan)

.....

.....

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. Daftar
Tarikh Daftar
Catatan

Tuan,

PER: PERMOHONAN MENEBAH POKOK DI BAWAH SEKSYEN 35H(1) AKTA

*Saya/kami ingin memaklumkan terdapat *pokok/pokok-pokok yang tumbuh di (nyatakan lokasi pokok yang dimaksudkan). yang mempunyai lilitan melebihi 0.8m pada paras 0.5m dari bumi.

2. *Saya/kami memohon kebenaran menebah pokok ini seperti berikut—
.....
.....(nyatakan jenis penebah yang hendak dilakukan).....
.....

3. Alasan *saya/kami menebah pokok ini adalah seperti berikut—
.....
.....(nyatakan alasan).....
.....

4. Bersama ini disertakan *pelan/peta yang menunjukkan kedudukan pokok yang dimaksudkan.

Tandatangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :

} pemohon

*Potong yang tidak berkenaan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001

JADUAL II

Borang R

Kaedah 11(2)

Kepada Rujukan :

.....(nama & alamat) Tarikh :

.....

.....

.....

Tuan,

PER: PERMOHONAN MENEBAH POKOK DI BAWAH SEKSYEN 35H(1) AKTA

Merujuk permohonan tuan(nyatakan rujukan)..... untuk kebenaran menebah pokok pihak berkuasa perancang tempatan ini setelah menimbang permohonan itu membuat keputusan—

*(a) membenarkan penebangan pokok yang berkenaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut—

.....(nyatakan syarat-syarat yang dikehendaki dipenuhi).....

.....

*(b) enggan membenarkan penebangan pokok yang berkenaan.

2. Tuan diingatkan menurut seksyen 35H(3) Akta penebangan pokok yang lilitannya melebihi 0.8m tanpa kebenaran pihak berkuasa perancang tempatan adalah merupakan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda sehingga RM5,000.00 bagi setiap pokok yang ditebang.

(Pegawai berkuasa)

(Pihak berkuasa perancang tempatan)


*Potong yang tidak berkenaan.


AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 2001


JADUAL III
(Kaedah 12)

ILLUSTRASI





PENGUKURAN KETINGGIAN DAN UKURLILIT POKOK CHONDONG



PENGUKURAN KETINGGIAN DAN UKURLILIT POKOK DI KAWASAN LERENG

HURAIAN

Kaedah-kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok 2001 ("Kaedah-kaedah") yang dicadangkan ini bertujuan mengadakan suatu peraturan berhubung perintah pemeliharaan pokok dan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

BAHAGIAN I

2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara permulaan.

Kaedah 1 memperkatakan tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasanya kaedah-kaedah dalam Negeri. Kaedah 2 mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam kaedah-kaedah.

BAHAGIAN II

3. Bahagian II mengandungi peruntukan berhubung dengan perintah pemeliharaan pokok.

Kaedah 3 menghendaki setiap pihak berkuasa perancang tempatan menyediakan dan menyimpan suatu senarai pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok dari spesies yang wajar diberi perlindungan yang tumbuh dalam kawasan pihak berkuasa perancang tempatan itu.

Kaedah 4 menetapkan bentuk dan format sesuatu perintah pemeliharaan pokok yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Kaedah 5 memperkatakan sesuatu perintah pemeliharaan pokok yang dibuat tidak akan menjejaskan sesuatu kebenaran merancang yang diberi dalam kawasan yang sama.

Kaedah 6 memperuntukkan bentuk dan kemudahan sesuatu permohonan untuk menebang pokok yang tertakluk di bawah perintah pemeliharaan pokok, dan bentuk dan kandungan sesuatu kebenaran dari pihak berkuasa perancang tempatan untuk menebang pokok yang tertakluk di bawah perintah itu.

Kaedah 7 mengandungi peruntukan berkaitan dengan penetapan orang yang layak mengesahkan bahawa sesuatu pokok itu telah mati, hampir mati atau mendatangkan bahaya yang hampir benar berlaku.

Kaedah 8 memperkatakan cara membuat tuntutan pampasan berkenaan perintah pemeliharaan pokok, dan bentuk award pampasan yang ditawarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Kaedah 9 adalah berkaitan dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan kepada seseorang untuk menggantikan pokok yang telah ditebangnya.

Kaedah 10 mengadakan peruntukan bagi pihak berkuasa perancang tempatan membatalkan atau meminda sesuatu perintah pemeliharaan pokok.

BAHAGIAN III

4. Bahagian III mengandungi peruntukan berkaitan larangan memotong pokok lilitannya melebihi 0.8 meter.

Kaedah 11 memperuntukkan borang yang dikehendaki digunakan bagi permohonan untuk menebang pokok yang mempunyai lilitan melebihi 0.8 meter.

Kaedah 12 mengandungi peruntukan berkaitan penentuan mengukur lilitan pokok dari bumi.

Dibuat 21 Januari 2001.
[JPBD/P1/0636 (27); PU. Sel. Am/0161/4.]

BAKHTIAR BIN HUSSIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Selangor

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

TREE PRESERVATION ORDER RULES 2001

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement.
2. Interpretation.

PART II

TREE PRESERVATION ORDER

3. List of trees.
4. Tree preservation order.
5. Tree preservation order may be made if tree not subjected to conditions.
6. Written permission under tree preservation order.
7. Certification by qualified person.
8. Compensation.
9. Replacement of tree.
10. Revocation of tree preservation order.

PART III

PROHIBITION TO FELL ETC. TREE WITH GIRTH
EXCEEDING 0.8 METRE

11. Prohibition to fell etc. tree with girth exceeding 0.8 metre.
12. Illustration.

SCHEDULE I

SCHEDULE II

SCHEDULE III

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

TREE PRESERVATION ORDER RULES 2001

In exercise of the powers conferred by section 58 of the Town and Country Planning Act 1976, the State Authority of Selangor makes the following rules: Act 172.

PART I

PRELIMINARY

